

Saya nak letak jawatan, parti tak luluskan

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengakui beliau mahu meletak jawatan sebagai Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) atas rasa tanggungjawab terhadap beberapa pertuduhan yang dihadapinya di mahkamah ketika ini.

Namun, beliau membuat keputusan terus berkhidmat sebagai Presiden sebagai tanda terima kasih kepada semua perwakilan Bersatu yang masih memberikan sokongan penuh kepada beliau apabila usul khas penolakan jawatan beliau diluluskan serta-merta.

“Dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu, saya menawarkan peletakan jawatan sebagai Presiden. Saya mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap diri saya.

“Bagaimanapun, MPT Bersatu menolak tawaran saya dan hari ini (semalam) perwakilan meluluskan usul menolak peletakan jawatan Presiden dan atas kehendak perhimpunan, saya meneruskan tugas saya sebagai Presiden,” katanya dalam Perhimpunan Agung Tahunan Bersatu semalam.

Usul tersebut dikemukakan oleh Timbalan Presiden Bersatu, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu sebagai tanda solidariti.



PERWAKILAN Bersatu bersorak ketika menyokong usul menolak peletakan jawatan Muhyiddin Yassin sebagai Presiden dalam Perhimpunan Agung Tahunan Bersatu di Kuala Lumpur, semalam.

“Ini masa ahli-ahli parti ber-solidariti dan menentang kezaliman dan tidak berbangkit isu meletakkan jawatan.

“Tanpa Tan Sri, parti ini tidak akan wujud. Bersatu lahir di teratak beliau, asas perjuangan parti ini daripada idealisme beliau dan kelangsungannya kerana komitmen dan keyakinan rakyat terhadap beliau,” kata Ahmad Faizal.

Usul tersebut mendapat sokongan sebulat suara perwakilan yang hadir dan disahkan oleh Pengerusi Tetap Bersatu, Datuk Suhaimi Abdullah.

Dalam pada itu, Muhyiddin menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menyiasat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana

Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berhubung sumber dana politik yang diperoleh masing-masing dalam menerajui PKR serta UMNO.

“Saya dilihat sebagai pencabar utama kepada Anwar dan Zahid yang tubuhkan kerajaan. Sebab itu, saya jadi mangsa pendakwaan politik terpilih dan terancang,” katanya.